



Rujukan Kami: UPM.AKD.100-1/5/1
Tarikh : 29 Januari 2026 / 10 Syaaban 1447H

PEKELILING AKADEMIK UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BILANGAN 1 TAHUN 2026

**KADAR BAHARU YURAN PEMROSESAN DAN CAJ PENALTI
BAGI PROSES AKADEMIK PRASISWAZAH DAN PASCASISWAZAH
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf dan pelajar Universiti Putra Malaysia berkaitan kadar baharu yuran pemprosesan dan caj penalti bagi proses akademik prasiswazah dan pascasiswazah Universiti Putra Malaysia.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Kadar yuran pemprosesan dan caj penalti yang terdahulu telahpun dinyatakan secara rasmi dalam pelbagai Kaedah Akademik Universiti Putra Malaysia (Asasi, Prasiswazah dan Pascasiswazah), Garis Panduan Akademik, dan laman web universiti. Kadar dan caj ini telah menjadi sebahagian daripada mekanisme pentadbiran untuk memastikan kelancaran urusan akademik, pengurusan sumber yang efektif, dan kepatuhan terhadap garis masa serta prosedur akademik yang ditetapkan.
- 2.2 Semakan kali terakhir terhadap kadar berkaitan adalah pada tahun 2012. Universiti telah melaksanakan pelbagai penambahbaikan dan inovasi dalam proses akademik, termasuk digitalisasi sistem, automasi pentadbiran, dan penyelarasan prosedur antara fakulti serta pusat pengajian. Semakan semula kadar yuran dan caj penalti ini adalah bagi menyelaraskan amalan pentadbiran akademik dengan standard semasa, memperkukuh kecekapan operasi, dan memastikan urusan akademik berjalan lancar bagi semua pihak berkepentingan, termasuk staf dan pelajar.

- 2.3 Pelaksanaan kadar baharu ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan universiti untuk menyediakan perkhidmatan akademik yang profesional, responsif, dan berorientasikan pelajar, sambil memastikan konsistensi dan kepatuhan dengan kaedah, garis panduan, dan polisi akademik sedia ada.

3.0 PELAKSANAAN KADAR BAHARU

- 3.1 Perincian kadar baharu yuran pemprosesan dan caj penalti bagi proses akademik prasiswazah dan pascasiswazah adalah seperti dalam **Lampiran A**.

4.0 KEPUTUSAN MESYUARAT

- 4.1 Jawatankuasa Yuran Universiti Putra Malaysia (JKYUPM A) Bil. 3/2025 Pada 8 Oktober 2025 telah meluluskan kadar baharu yuran pemprosesan dan caj penalti berkuat kuasa mulai Semester Kedua Sesi 2025/2026 untuk semua program pengajian prasiswazah dan pascasiswazah.

5.0 TARIKH KUAT KUASA

- 5.1 Pemakaian kadar baharu ini berkuat kuasa mulai Semester Kedua Sesi 2025/2026.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERILMU BERBAKTI"

Saya yang menjalankan amanah,


MOHD NAZRI BIN MD YASIN

Ketua Pentadbiran

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

- s.k. - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
- Dekan, Sekolah Pengajian Siswazah

LAMPIRAN A

**KADAR BAHARU YURAN PEMROSESAN DAN CAJ PENALTI
BAGI PERKHIDMATAN DAN PROSES AKADEMIK
PRASISWAZAH DAN PASCASISWAZAH
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**
*New Rates for Processing Fees and Penalty Charges
For Academic Processes and Services
for Undergraduate and Postgraduate*

Bil.	Perkara / Item	Kadar Baharu / New Rates (RM)*	
		Pascasiswazah / Postgraduate	Prasiswazah / Undergraduate
1	Pendaftaran Kursus Lewat <i>Late Course Registration</i>	RM200.00 (pukal / flat rate)	RM50.00 (per kursus / per course) (maksimum / max RM200)
2	Permohonan Gugur Kursus Lewat <i>Late Course Withdrawal</i>	RM100.00 (pukal / flat rate)	RM50.00 (per kursus / per course)
3	Pertukaran Program / Bidang / PTJ <i>Change of Programme / Field / Faculty</i>	RM100.00 (pukal / flat rate)	RM100.00 (pukal / flat rate)
4	Pemindahan Kredit <i>Credit Transfer</i>	RM100.00 (per kursus / per course)	RM100.00 (pukal dalam tempoh / flat rate within the stipulated period)
5	Penghantaran Lewat – Laporan Kemajuan Penyelidikan (GS-11) <i>Late Submission – Research Progress Report (GS-11)</i>	RM200.00	Tiada None
6	Penangguhan Pengajian / Tarik Diri: <i>Deferment of Study / Withdrawal:</i>		Tiada None
	• Minggu 1–2 / Week 1–2	RM100.00 (Yuran Perkhidmatan / Service Fee)	(Hanya perlu menjelaskan yuran pengajian secara pro rata / (pro-rated tuition fees only)
	• Minggu 3–7 / Week 3–7	RM600.00	
	• Selepas Minggu 7 / After Week 7	Yuran pengajian secara pro rata <i>Prorated tuition fees</i>	
7	Penyambungan semula pengajian (mendaftar & tidak menjelaskan yuran pengajian) untuk pelajar yang berstatus 'Dropped' sahaja, tidak termasuk 'Withdraw'. <i>Reinstatement of Study (registered & unpaid fees) for Dropped status only, excludes 'Withdraw'</i>	Yuran Penuh <i>Full Fees</i>	Tiada None
8	Penyambungan Semula Pengajian (tidak mendaftar & tidak menjelaskan yuran) <i>Reinstatement of Study (unregistered & unpaid fees)</i>	RM600.00	RM100.00
9	Rayuan Setelah Nama Digugurkan <i>Appeal After Name Dropped</i>	Tiada None	RM200.00 dan yuran pengajian penuh <i>RM200.00 and full tuition fees</i>
10	Semakan Gred <i>Grade Review</i>	RM50.00 (per kursus / per course)	RM50.00 (per kursus / per course)
11	Peperiksaan Semula <i>Re-examination</i>	RM50.00 (per kursus / per course)	RM50.00 (per kursus / per course)

12	Semakan Status Pemberhentian <i>Review Termination Status</i>	RM100.00	RM100.00
13	Cetakan Semula Dokumen / Transkrip <i>Reprint of Document / Transcript</i>	RM10.00	RM10.00
14	Cetakan Semula Sijil Akademik <i>Reprint of Academic Certificate</i>	RM500.00	RM500.00
15	Yuran Graduasi <i>Graduation Fee</i>	RM300.00	RM300.00
16	Sewa Jubah Akademik <i>Academic Robe Rental</i>	RM50.00	RM50.00
17	Harga/ Caj Kerosakan Jubah Akademik <i>Academic Robe & Price/Damage Penalty</i> Harga/ Caj Kerosakan Aksesori <i>Accessories Price/Damage Penalty</i>	• PhD RM850.00 • Master 500.00 • Bonnet RM75.00 • Mortar Board RM50.00 • Hood RM35.00	• <i>Bachelor</i> RM350.00 • Diploma RM250.00 • Bonnet RM75.00 • Mortar Board RM50.00 • Hood RM35.00
18	Yuran Proses <i>Processing Fee</i>	Tempatan: RM80.00 Antarabangsa: US\$100.00 <i>Local: RM80.00</i> <i>International: US\$100.00</i>	<u>Saluran Inklusif</u> RM50 (Bacelor dan Asasi) <u>Trimester</u> Tempatan: RM80.00 Antarabangsa: US\$100 <u>Inclusive Channel</u> RM50 (Bachelor and Foundation) <u>Trimester</u> Local: RM80.00 International: US\$100.00

***Berkuat kuasa mulai Semester Kedua Sesi 2025/2026**
Effective from the Second Semester of the 2025/2026 Session